
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
BAHASA MELAYU
TAHUN 2025

UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU
KERTAS 3
(1103/3)

TAKSIRAN KUMPULAN

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

SET 1

NASKHAH CALON

Transaksi tanpa tunai semakin popular digunakan di Malaysia kerana memberikan banyak kelebihan kepada masyarakat.

Bincangkan.

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN**[30 markah]****SET 1****NASKHAH PENTAKSIR****TEMA:** Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan**DOMAIN:** Awam

- Berurusan dengan perkhidmatan awam, badan pentadbiran, aktiviti sosial dan budaya dalam masyarakat.

Transaksi tanpa tunai semakin popular digunakan di Malaysia kerana memberikan banyak kelebihan kepada masyarakat.

Bincangkan.

CADANGAN JAWAPAN

Kelebihan transaksi tanpa tunai:

1. Pembayaran menjadi mudah dan pantas.
2. Masyarakat akan selamat daripada risiko kecurian wang tunai.
3. Rekod transaksi yang jelas.
4. Kad lebih mudah dibawa dan dijaga berbanding wang tunai.
5. Kad atau dompet maya selalu menawarkan pulangan tunai, diskaun dan mata ganjaran.
6. Mengurangkan penggunaan wang kertas dan syiling.
7. Memudahkan urusan perniagaan sama ada di kedai mahupun di dalam talian.
8. Menyokong sektor perniagaan dalam talian.
9. Mengurangkan risiko penipuan wang palsu.
10. Menjadikan masyarakat lebih celik teknologi dan bersedia menghadapi cabaran ekonomi digital.

**Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

SET 2

NASKHAH CALON

Keselamatan negara daripada segala aspek amat penting untuk dijaga bagi memastikan keamanan negara dapat dikekalkan.

Bincangkan usaha yang perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk menjaga keselamatan negara.

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

SET 2

NASKHAH PENTAKSIR

TEMA: Keselamatan**DOMAIN:** Awam

- Berurusan dengan perkhidmatan awam, badan pentadbiran, aktiviti sosial dan budaya dalam masyarakat.

Keselamatan negara daripada segala aspek amat penting untuk dijaga bagi memastikan keamanan negara dapat dikekalkan.

Bincangkan usaha yang perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk menjaga keselamatan negara.

CADANGAN JAWAPAN

Usaha yang perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk menjaga keselamatan negara:

1. Setiap individu perlu mematuhi undang-undang dan peraturan negara.
2. Individu boleh menceburkan diri dalam bidang pertahanan awam.
3. Masyarakat saling menghormati hak orang lain untuk menjaga keharmonian.
4. Masyarakat mengamalkan perpaduan.
5. Masyarakat melaporkan sebarang kegiatan mencurigakan.
6. Masyarakat perlu mengelakkan penyebaran berita palsu.
7. Masyarakat menyertai program keselamatan komuniti.
8. Masyarakat menyokong dasar kerajaan.
9. Ibu bapa mendidik anak-anak tentang nilai murni.
10. Ibu bapa menjadi contoh yang baik sebagai warganegara yang bertanggungjawab.
11. Pihak sekolah menekankan disiplin murid sejak di bangku sekolah.
12. Pihak sekolah memberi kesedaran keselamatan siber kepada murid.
13. Pihak berkuasa menguatkuasakan undang-undang dengan tegas.
14. Kerajaan memperkukuh pasukan keselamatan negara.
15. Kerajaan memperketat kawalan sempadan negara.
16. Kerajaan mengadakan kempen kesedaran keselamatan.
17. Kerajaan mengawal penggunaan senjata api dan bahan berbahaya.
18. Kerajaan menjaga kestabilan politik.

** Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN**[30 markah]****SET 3****NASKHAH CALON**

Pada era globalisasi yang semakin maju ini, banyak perkara telah berubah. Namun, perjuangan tokoh dan pahlawan negara untuk mendapatkan kemerdekaan seharusnya tidak dilupakan.

Bagaimanakah cara anda menghargai jasa tokoh dan pahlawan negara terdahulu?

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN**[30 markah]****SET 3****NASKHAH PENTAKSIR****TEMA:** Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan**DOMAIN:** Peribadi

- Berinteraksi dengan keluarga, kawan-kawan, jiran dan masyarakat sekeliling.

Pada era globalisasi yang semakin maju ini, banyak perkara telah berubah. Namun, perjuangan tokoh dan pahlawan negara untuk mendapatkan kemerdekaan seharusnya tidak dilupakan.

Bagaimanakah cara anda menghargai jasa tokoh dan pahlawan negara terdahulu?

CADANGAN JAWAPAN

Cara saya menghargai jasa tokoh dan pahlawan negara terdahulu:

1. Melawat Muzium Negara.
2. Mengambil bahagian dalam aktiviti berkaitan sejarah.
3. Mengajak ibu bapa menyertai program berkaitan jasa pahlawan.
4. Membaca buku untuk mengenali jasa tokoh pejuang tanah air.
5. Menonton filem yang berkaitan pahlawan kemerdekaan tanah air.
6. Mengenang dan mendoakan mereka.
7. Mengibarkan Jalur Gemilang dengan bangga.
8. Tidak melakukan perkara yang menjejaskan keamanan negara.
9. Menghadiri sambutan hari kebangsaan atau hari pahlawan.
10. Melawat tugu peringatan dan makam pahlawan.
11. Mempelajari sejarah negara.
12. Menjadi warganegara yang taat setia dan mematuhi undang-undang.
13. Memupuk semangat perpaduan dalam diri untuk mengelakkan perpecahan.
14. Meneruskan legasi mereka dengan menyumbang bakti dalam bidang masing-masing demi pembangunan negara.
15. Menghargai kebebasan yang dimiliki.

**Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

SET 4

NASKHAH CALON

Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) merupakan salah satu program kerajaan yang memberikan banyak kepentingan kepada murid pelbagai kaum di sekolah.

Bincangkan kepentingannya.

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN**[30 markah]****SET 4****NASKHAH PENTAKSIR****TEMA:** Perpaduan**DOMAIN:** Pendidikan

- Berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran khusus.

Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) merupakan salah satu program kerajaan yang memberikan banyak kepentingan kepada murid pelbagai kaum di sekolah.

Bincangkan kepentingannya.

CADANGAN JAWAPAN

Kepentingan Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP):

1. Mengeratkan hubungan antara murid pelbagai kaum.
2. Membentuk semangat perpaduan dan toleransi.
3. Menghapuskan stereotaip dan prasangka kaum.
4. Menyemai semangat patriotisme dan cinta kepada negara.
5. Membentuk insan berfikiran terbuka dan bertanggungjawab.
6. Memupuk perpaduan kaum.
7. Menghormati kepelbagaian budaya.
8. Mengurangkan jurang perbezaan.
9. Membina semangat kerjasama antara murid berbilang kaum.
10. Menyemai semangat kekitaan.
11. Mewujudkan suasana pembelajaran kondusif tanpa pergaduhan.
12. Menghasilkan generasi berfikiran terbuka.
13. Menyumbang kepada keamanan sekolah dan negara.

**Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN**[30 markah]****SET 5****NASKHAH CALON**

Kini, semakin ramai pengusaha kraf tangan yang bersara. Namun begitu, bilangan anak muda yang berminat untuk menyambung legasi perusahaan kraf tangan ini sangat sedikit.

Bincangkan punca-punca yang menyumbang kepada situasi ini.

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

SET 5

NASKHAH PENTAKSIR

TEMA: Perindustrian**DOMAIN:** Awam

- Berurusan dengan perkhidmatan awam, badan pentadbiran, aktiviti sosial dan budaya dalam masyarakat.

Kini, semakin ramai pengusaha kraf tangan yang bersara. Namun begitu, bilangan anak muda yang berminat untuk menyambung legasi perusahaan kraf tangan ini sangat sedikit.

Bincangkan punca-punca yang menyumbang kepada situasi ini.

CADANGAN JAWAPAN

Punca-punca anak muda kurang berminat untuk menyambung legasi perusahaan kraf tangan:

1. Persepsi negatif golongan muda yang menganggap industri kraf tangan tidak menjamin masa hadapan.
2. Pendapatan yang diperoleh melalui industri kraf tangan ini tidak tetap.
3. Golongan muda kurang pendedahan tentang seni kraf tangan.
4. Pengaruh teknologi dan gaya hidup moden yang menyebabkan anak muda lebih tertarik kepada kerjaya digital atau profesional.
5. Kurangnya galakan dan sokongan daripada keluarga.
6. Pendidikan formal di sekolah tidak memfokuskan kepada subjek kraf atau seni.
7. Kekurangan insentif atau ganjaran untuk pelapis muda dalam bidang kraf tangan.
8. Generasi muda tidak gemar akan sesuatu perkara yang rumit dan renyah.
9. Pasaran kraf tangan yang terhad dan tidak menguntungkan.
10. Kurang promosi dan inovasi daripada pihak kerajaan.
11. Tanggapan kraf tangan hanya warisan orang tua.
12. Persaingan dengan produk murah buatan kilang.
13. Kurang peluang latihan professional.

**Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN
[30 markah]

SET 6

NASKHAH CALON

Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan Malaysia. Namun, penggunaan bahasa Melayu kini dilihat semakin tercemar.

Bincangkan peranan pelbagai pihak untuk memartabatkan bahasa Melayu.

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN**[30 markah]****SET 6****NASKHAH PENTAKSIR****TEMA:** Bahasa dan Kesusasteraan**DOMAIN:** Awam

- Berurusan dengan perkhidmatan awam, badan pentadbiran, aktiviti sosial dan budaya dalam masyarakat.

Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan Malaysia. Namun, penggunaan bahasa Melayu kini dilihat semakin tercemar.

Bincangkan peranan pelbagai pihak untuk memartabatkan bahasa Melayu.

CADANGAN JAWAPAN

Peranan pelbagai pihak untuk memartabatkan bahasa Melayu:

1. Kerajaan melaksanakan Dasar MBMMBI.
2. Kerajaan menekankan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi.
3. Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan bahan rujukan dalam bahasa Melayu.
4. Kerajaan menganjurkan kempen bahasa.
5. Institusi pendidikan perlu menjadikan Bahasa Melayu sebagai subjek wajib dan syarat lulus SPM.
6. Institut Pendidikan Tinggi menggalakkan penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu.
7. Aktiviti kokurikulum berunsurkan bahasa Melayu dijalankan di sekolah.
8. Media massa menyampaikan berita dan hiburan dalam bahasa Melayu standard.
9. Media massa mempopularkan program tempatan berbahasa Melayu.
10. Media massa perlu mengelakkan penggunaan bahasa rojak di media.
11. Ibu bapa mendidik anak menggunakan bahasa Melayu dengan betul di rumah.
12. Masyarakat menyokong karya seni dan sastera tempatan yang berbahasa Melayu.
13. Masyarakat menggunakan bahasa Melayu dengan betul dalam komunikasi harian.

**Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN
[30 markah]

SET 7

NASKHAH CALON

Integriti merupakan kunci kepada kepimpinan berkualiti. Pemimpin yang berintegriti menjamin kepada pengurusan organisasi yang baik.

Huraikan ciri-ciri pemimpin yang berintegriti.

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

SET 7

NASKHAH PENTAKSIR

TEMA: Integriti**DOMAIN:** Kerjaya

- Berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan persediaan menyertai alam kerjaya.

Integriti merupakan kunci kepada kepimpinan berkualiti. Pemimpin yang berintegriti menjamin kepada pengurusan organisasi yang baik.

Huraikan ciri-ciri pemimpin yang berintegriti.

CADANGAN JAWAPAN

Ciri-ciri pemimpin yang berintegriti:

1. Sentiasa jujur dalam tindakan dan perkataan mereka.
2. Berpegang teguh pada nilai-nilai moral yang tinggi dan tidak mudah dipengaruhi oleh tekanan luar.
3. Keputusan dan tindakan boleh dilihat dan difahami oleh semua pihak.
4. Bertanggungjawab terhadap tindakan mereka dan bersedia menerima akibatnya.
5. Terbuka kepada maklum balas dan sentiasa bersedia untuk mendengar pandangan orang lain.
6. Membuat keputusan tanpa memihak kepada mana-mana individu atau kumpulan.
7. Memahami dan mengambil berat tentang kebajikan pekerja.
8. Bersedia untuk berubah dan menyesuaikan diri dengan keadaan yang baru.
9. Mampu menyampaikan idea dengan jelas dan mendengar dengan penuh perhatian.
10. Berpandangan jauh.
11. Membangunkan orang lain.

**Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN
[30 markah]

SET 8

NASKHAH CALON

Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas sinonim dengan budaya sesuatu masyarakat yang tidak dilupakan oleh peredaran zaman.

Jelaskan kepentingan memelihara warisan budaya.

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

SET 8

NASKHAH PENTAKSIR

TEMA: Sejarah dan Warisan**DOMAIN:** Awam

- Berurusan dengan perkhidmatan awam, badan pentadbiran, aktiviti sosial dan budaya dalam masyarakat.

Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas sinonim dengan budaya sesuatu masyarakat yang tidak dilupakan oleh peredaran zaman.

Jelaskan kepentingan memelihara warisan budaya.

CADANGAN JAWAPAN

Kepentingan memelihara warisan budaya:

1. Memelihara identiti bangsa dan negara.
2. Mengukuhkan perpaduan masyarakat.
3. Meningkatkan sektor pelancongan dengan menarik pelancong.
4. Memperkaya kehidupan masyarakat dengan nilai-nilai budaya.
5. Mengekalkan kemahiran melakukan seni kraf tangan.
6. Menghargai jasa dan perjuangan nenek moyang.
7. Mendidik generasi muda agar tahu tentang adat, tradisi, dan nilai murni dalam kehidupan.
8. Menjana ekonomi negara dengan jualan kraf tangan, makanan tradisional, dan seni budaya.
9. Mengelakkan kepupusan budaya.
10. Membentuk masyarakat berakhlak mulia.
11. Mengangkat imej negara di persada dunia.
12. Menyumbang kepada pembangunan negara seimbang dari segi tradisi.
13. Budaya akan kekal diamalkan zaman-berzaman.

**Mana-mana jawapan lain yang relevan diterima*